



# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Polisi Insurans AmStyle Guard

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans AmStyle Guard. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk Anda terhadap kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal, indemniti berganda, perbelanjaan perubatan, perbelanjaan pengebumian, penghantaran balik jenazah, belian peralatan ortopedik, fi ambulans, pendapatan hospital harian, perbelanjaan rawatan selepas penghospitalan, liabiliti diri, pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran balik ketika di luar negara (termasuk penyakit), perbelanjaan perubatan dikenakan ketika di luar negara (termasuk penyakit), lawatan ehsan akibat kematian/penghospitalan Orang Yang Diinsuranskan ketika di luar negara (termasuk penyakit), kehilangan wang akibat ragut mana-mana sahaja di Malaysia, kehilangan barangan peribadi akibat ragut mana-mana sahaja di Malaysia, kehilangan isi kandungan rumah disebabkan oleh pecah masuk, penggantian pintu, kunci, tingkap. Untuk maklumat lanjut, Anda boleh merujuk kepada risalah.

Untuk membolehkan Anda layak di bawah Polisi ini, Anda mestilah Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau pasangan suami/isteri Anda yang menetap di Malaysia.

Had umur: 16 tahun hingga 65 tahun dan boleh diperbaharui sehingga 70 tahun semasa tempoh insurans.

## 2. Apakah jenis perlindungan/faedah yang diberi?

Sila rujuk kepada jadual faedah di dalam risalah produk.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah setahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan Anda setiap tahun melainkan Anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk memperbaharui Polisi secara automatik.

Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.

## 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang Anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih. Bayaran mestilah secara tunai dan perlu dibayar sebelum perlindungan bermula.

Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci mengenai premium.

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang Anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan pengantara	25% daripada premium

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

ii) Had Wilayah

- Faedah liabiliti diri: diguna pakai di seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada.
- Faedah pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran balik ketika di luar negara (termasuk penyakit), faedah perbelanjaan perubatan dikenakan ketika di luar negara (termasuk penyakit), faedah lawatan ehsan akibat kematian/penghospitalan Orang Yang Diinsuranskan ketika di luar negara (termasuk penyakit): diguna pakai semasa Orang Yang Diinsuranskan membuat perjalanan di luar negara.

iii) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.

- iv) Jika pada bila-bila masa sebarang tuntutan di bawah faedah yang dilindungi dalam Polisi ini adalah berdasarkan pembayaran balik, dan terdapat mana-mana perlindungan insurans lain, sama ada dengan Kami atau syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada perkadaran yang setimpal dengannya.
- v) Hanya faedah kematian akibat kemalangan dan hilang upaya kekal akan dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan menetap di luar Malaysia untuk tempoh melebihi 90 hari berturut-turut.
- vi) Faedah bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini akan ditamatkan secara automatik:
  - Apabila berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan; atau
  - Selepas pembayaran faedah kematian akibat kemalangan atau 100% faedah hilang upaya kekal atau faedah indemniti berganda Orang Yang Diinsuranskan; atau
  - Apabila Orang Yang Diinsuranskan tidak memenuhi syarat kelayakan had umur; atau
  - Apabila permit/pas kerja Orang Yang Diinsuranskan luput atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia.
- vii) Untuk Seksyen 2, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan barangan dan harta benda peribadi yang diinsuranskan.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

### Seksyen 1

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan pada diri sendiri oleh Orang Yang Diinsuranskan tidak kira kewarasan fikirannya pada masa insiden berlaku atau ketidaksiaman;
- Keadaan pra-wujud, kecacatan atau kekurangan fizikal, sebarang jenis sawan;
- Di bawah pengaruh alkohol atau pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan (kecuali ubat-ubatan yang diambil mengikut preskripsi dan arahan doktor);
- Terlibat dalam pengujian kepantasan, perlumbaan dan pertandingan motor rali, memanjat batu, mendaki atau merentasi kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen, luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, sebarang aktiviti yang melibatkan Orang Yang Diinsuranskan berada di udara (sama ada tergantung atau tidak) tidak terhad kepada payung terjun, peluncuran gantung, penerokaan lubang, lompatan bungee, sukan terjun udara, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti, tinju, sukan/permainan profesional, sebarang bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, perentak perlumbaan, ujian kelajuan atau keandalan;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC);
- Terbang atau dalam perjalanan di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan;
- Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah;
- Penglibatan langsung dalam tindakan pengganas;
- Pengecualian pekerjaan – untuk Orang Yang Diinsuranskan yang bekerja sebagai atau terlibat dalam jenis pekerjaan yang disenaraikan di bawah (sama ada secara sementara atau tetap), tiada faedah akan dibayar di bawah Polisi ini bagi kecederaan anggota badan akibat kemalangan atau penyakit semasa dalam perkhidmatan aktif untuk mana-mana aktiviti berikut: pelumba, pemain sukan profesional, pelaut, pembalok, pekerja luar pesisir, anak kapal terbang, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali letupan, anak kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemunggah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, anggota tentera, perkhidmatan atau operasi tentera laut, darat atau udara, pasukan polis dan perkhidmatan penyelamat;
- Kematian atau hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembunuhan atau serangan akibat daripada provokasi oleh Orang Yang Diinsuranskan;
- Sebarang jenis sakit, penyakit, wabak, virus, jangkitan atau parasit kecuali dinyatakan secara spesifik di bawah Polisi ini;
- Melahirkan anak, keguguran, mengandung atau sebarang komplikasi yang berkaitan.

### Seksyen 2

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kehilangan akibat diseluk poket;
- Kehilangan, kerosakan atau kemerosotan barangan berharga peribadi yang disebabkan oleh haus dan lusuh biasa atau punca lain yang berlaku secara beransur-ansur atau disebabkan oleh sebarang proses pembersihan, pencelupan atau pengubahsuaian atau keadaan iklim atau atmosfera;
- Kehilangan yang disebabkan oleh kecurian mana-mana hak milik atau pemilikan mana-mana harta benda Orang Yang Diinsuranskan akibat skim penipuan, helah, peranti atau dakwaan palsu;
- Sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku dengan penglibatan atau perbuatan sengaja

Anda sendiri. Kehilangan atau kerosakan mestilah secara tidak disengajakan;

- Kehilangan (sementara atau kekal) harta diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya akibat dirampas, dituntut, ditahan atau didiami secara sah atau tidak sah ke atas Risiko Situasi tersebut sebagaimana diisytiharkan kepada Kami oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan;
- Stok dan/atau barangan yang berkaitan dengan perniagaan atau pekerjaan Anda;
- Peralatan fotografi dan peralatan dan aksesori sukan dan peralatan muzik;
- Kenderaan bermotor, bot, haiwan ternakan, basikal dan apa-apa kelengkapan atau aksesori yang berkaitan dengannya;
- Kehilangan atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah sebarang Polisi insurans lain, atau dibayar ganti rugi oleh mana-mana pihak lain.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.*

#### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimana cara untuk saya membatalkannya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkau tarikh pembatalan, kadar jangka pendek Kami yang lazim akan diguna pakai dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh insurans.

##### Kadar jangka pendek yang lazim

Tempoh Diinsuranskan Tidak Melebihi	Peratusan (%) Kadar Tahunan Yang Dikenakan	Peratusan (%) Pemulangan Premium Tahunan
2 bulan (minimum)	40	60
3 bulan	50	50
4 bulan	60	40
5 bulan	70	30
6 bulan	75	25
Melebihi 6 bulan	100	Tiada pemulangan

#### 8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan mengenai butiran perhubungan Anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada waktunya.

#### 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

##### **AmGeneral Insurance Berhad**

Menara Shell,  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur,  
Malaysia

Talian Bebas Tol : 1-300-80-3030

Emel : [customer@amassurance.com.my](mailto:customer@amassurance.com.my)

Laman Web : [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

#### 10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

Sila rujuk kepada laman web kami di [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

##### **NOTA PENTING:**

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 Julai 2019.